



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “BEKERJA DENGAN TEKAD AMANAH - BUDAYA CEMERLANG”

3 Mei 2024 / 24 Syawwal 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى، وَيَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى، وَخَلَقَ النَّاسَ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى،  
وَجَعَلَ بَيْنَهُمْ مَوَدَّةً وَنَسَبًا وَصِهْرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَاءِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita dilimpahi taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena sambutan Hari Pekerja, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

### “BEKERJA DENGAN TEKAD AMANAH - BUDAYA CEMERLANG”

Firman Allah SWT, ayat 26 surah al-Qasas:

﴿قَالَتْ إِحَدُهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾﴾

Bermaksud: “Salah seorang daripada kedua-dua perempuan itu berkata, “Wahai ayah ku, jadikanlah dia (Musa AS) sebagai pekerja (kita), sesungguhnya orang yang paling baik yang ayah ambil sebagai pekerja ialah orang yang kuat lagi amanah”.

Bekerja, mencari rezeki untuk menyara kehidupan bagi maksud mencapai kesempurnaan dan kesejahteraan hidup, adalah ikhtiar yang dituntut oleh agama ke atas setiap Mukmin. Peranan sebagai khalifah Allah SWT hanya dapat dipenuhi dengan baik, apabila umat Islam menitik beratkan nilai-nilai murni semasa melakukan kerja.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ayat yang dibaca pada awal khutbah, menunjukkan Islam meletakkan sifat *al-qawiy*, iaitu kekuatan mengurus, dan *al-amin* iaitu amanah, sebagai ciri-ciri yang wajib ada pada seseorang pekerja. Islam mengiktiraf pekerjaan sebagai ibadah jika dilakukan dengan niat semata-mata mengharapkan keredaan Ilahi, serta kerja dilakukan secara bersungguh-sungguh dan memenuhi amanah. Pelbagai nas al-Quran mahu pun hadis Rasulullah SAW, melarang perbuatan mengkhianati amanah; juga memerintahkan umat bekerja dengan bersungguh-sungguh berdasarkan firman Allah SWT melalui ayat 105 surah At-Taubah:

﴿ وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾ ﴾

Bermaksud: "Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (dengan segala yang diperintahkan). Maka Allah dan Rasul Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat amalan kamu itu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Maha Mengetahui sesuatu yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kamu apa-apa yang kamu lakukan."

Para Nabi dan Rasul menunjukkan contoh teladan baik sama ada ketika melaksanakan dakwah dan hal ehwal pemerintahan negara, begitu juga ketika memenuhi tanggungjawab kekeluargaan, yang dijelmakan dalam budaya kerja beramanah melalui amalan tadbir urus yang cemerlang, tersusun dan berwawasan.

### **Jemaah yang dilimpahi rahmat kasih sayang Ilahi,**

'Budaya Kerja Cemerlang' diperkenalkan untuk diterapkan dalam pentadbiran di Malaysia sejak tahun 1989; bertujuan mengekang salah guna kuasa, rasuah dan pelbagai bentuk kecuaiian. Selain memberi penekanan menghasilkan pekerja yang mempunyai tahap kebertanggungjawaban tinggi, bercirikan pandangan Islam dan nilai-nilai murni, "Budaya Kerja Cemerlang" juga berhasrat melahirkan pekerja yang cekap dan mahir. Walaupun 'Budaya Kerja Cemerlang' telah 35 tahun diperkenalkan, namun budaya tersebut masih belum berjaya diterapkan dan dihayati oleh setiap warga kerja. Perlakuan-perlakuan pecah amanah, rasuah dan salah guna kuasa masih berlaku.

Sangat mendukacitakan, perbuatan rasuah dilaporkan terus meningkat. Bagi tempoh Januari sehingga Mac 2024, akhbar-akhbar melaporkan seramai 406 orang telah dipanggil atau ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



kerana terlibat melakukan rasuah; melibatkan penjawat awam, pekerja swasta dan orang awam. Jumlah tersebut meningkat, berbanding 397 orang yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2023.

Semua pihak wajib bermuhasabah dan mengambil iktibar. Perbuatan pecah amanah, rasuah dan mentadbir urus secara sambil lewa menjadi antara punca negara mengalami kegagalan dalam pelbagai bidang merangkumi kepimpinan, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, sains dan teknologi. Oleh itu, kesungguhan mengamalkan sikap amanah, berintegriti, telus, jujur dan ikhlas wajib diutamakan dan dibudayakan oleh setiap pekerja Mukmin. Islam melarang perbuatan mengkhianati amanah berpandukan firman Allah SWT melalui ayat 27 surah al-Anfal yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul Nya serta janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu walhal kamu mengetahui (salahnya)”

Sebagai seorang pekerja, ummah diuji dengan pelbagai cabaran berbentuk sogokan, harta, kekayaan, pangkat dan jawatan yang boleh mengaburi mata, sehingga ada dalam kalangan ummah yang sanggup mengorbankan prinsip dan kebenaran, lalu mengkhianati amanah yang diberikan. Sifat-sifat mazmumah yang bersarang di hati akan mendorong pekerja untuk melakukan perkara-perkara yang merosakkan seperti memberi dan menerima rasuah, mengambil harta secara bukan hak, menipu, memeras ugut, juga bersekongkol, bersubahat, malah ke tahap melindungi dan membela orang-orang yang telah melakukan pecah amanah dan rasuah.

Kehendak nafsu apabila dibenarkan menguasai diri, sebenarnya telah membuka saluran untuk bisikan syaitan mempengaruhi denyut nadi dan fikiran insan, lalu mereka menyimpang daripada prinsip, bersedia melakukan yang mungkar, sanggup menggadaikan maruah diri, maruah keluarga dan maruah bangsa, kerana mahu mengejar keuntungan dunia sehingga gagal memikirkan kesan buruk yang bakal menimpa ummah dan negara.

### **Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan**

Pekerja juga perlu beriltizam untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang kerja masing-masing dengan menambah ilmu pengetahuan, memperkayakan pengalaman dan meningkatkan kemahiran terutama penguasaan teknologi moden selagi tidak bertentangan dengan syariat. ‘Islah dan pembaharuan’ perlu dipastikan



sentiasa membawa penambahbaikan sama ada daripada segi sistem, proses kerja serta penghasilannya, agar benar-benar memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Pada masa yang sama, majikan wajib mewujudkan suasana bekerja yang harmoni agar dapat membentuk hubungan kerjasama yang baik sesama pekerja, memastikan pekerjaan berlangsung dalam suasana yang harmoni, selesa, serta bebas tekanan, lalu membolehkan pekerja mengembangkan idea dan kebolehan, demi mencapai matlamat organisasi. Majikan juga bertanggungjawab memastikan pekerja mendapat imbuhan yang setimpal dengan keperluan hidup. Majikan wajib memberikan perhatian terhadap kebajikan pekerja daripada segi perumahan, pengangkutan, kemudahan kesihatan dan keperluan latihan. Menjadi tanggungjawab majikan memastikan para pekerja mereka tidak berada dalam kepompong kemiskinan.

### **Jemaah Rahimakumullah**

Dalam hasrat membina sebuah negara yang makmur agar rakyatnya hidup sejahtera, para jemaah perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Membudayakan amalan bekerja yang cemerlang, bersungguh-sungguh serta menguatkan tekad mahu menyempurnakan tanggungjawab secara amanah, berintegriti, telus, jujur dan ikhlas; mengutamakan keperluan pelanggan daripada segi memenuhi kualiti perkhidmatan serta menepati waktu.

**Kedua:** Memastikan pekerjaan yang dilakukan berada dalam kerangka yang dibenarkan syarak agar rezeki yang diperoleh membawa berkat.

**Ketiga:** Menolak sebarang tawaran dan imbuhan berbentuk harta benda, gelaran, pangkat dan jawatan sekiranya terpaksa bersubahat melakukan perkara-perkara mungkar yang bercanggah dengan ajaran Islam, serta sama sekali tidak akan melindungi orang-orang yang terpalit dengan rasuah serta menyalah gunakan kuasa, yang telah mengakibatkan negara terpaksa menanggung beban dan rakyat menanggung derita.

**Keempat:** Pekerja yang beriman akan senantiasa mengutamakan nilai keberkatan dan keredaan yang wajib dipupuk dalam diri, diperteguhkan agar menjadi benteng penghalang daripada melakukan perkara-perkara batil.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Bimbing kami untuk sentiasa bersifat amanah, berintegriti, telus, jujur dan ikhlas serta kesungguhan melaksanakan tadbir urus secara tekun, agar rezeki kami diberkati dan kami juga mendapat keredaan dan rahmat Mu.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulki!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.